

Dilema harga makanan

Oleh: Dewiana

TIDAK dapat dinafikan kehidupan bergelar pelajar sentiasa mengejar masa kerana terlibat dalam aktiviti kampus selain pelajaran. Ini menyebabkan masa agak terhad untuk memasak selain faktor kekangan peraturan kolej kediaman. Maka, hal ini menyebabkan mereka terpaksa juga membeli makanan di kafe walaupun harga yang ditetapkan oleh pemilik kafe mahal.

Isu terjadi di kafe UMS. Segelintir pelajar terutamanya dari Sekolah Sains Sosial (SSS) yang menjadi pelanggan tetap mengatakan harga makanan mahal dan tidak sepadan dengan kuantiti makanan. Isu ini turut menjadi bualan pelajar dari sekolah lain.

Perniagaan kafeteria di PPIB ini

bermula sejak bulan September tahun 2011. Kebelakangan ini, pelbagai komen seringkali kedengaran daripada pelajar mengenai harga makanan di sana. Terdapat pelajar yang mengatakan harga tidak berpatutan dan mereka berharap agar peniaga lebih bertimbang rasa dalam menetapkan harga makanan. Hasil daripada temubual beberapa pelajar Sekolah Sains Sosial, mereka telah meluahkan rasa tidak puas hati terhadap harga makanan yang dikatakan tidak menentu tambahan lagi kuantiti makanan yang diambil tidak sepadan dengan harga makanan yang dikenakan.

“ Makanan mahal sangat, dulu harga makanan untuk seketul ayam, ikan, sayur dan nasi cuma lima ringgit saja, tapi kalau sekarang nasi putih tambah seketul ayam tambah sedikit kuah sudah lima ringgit.

Pernah lagi kawan saya beli hati ayam, terung dan nasi putih dan dia terpaksa bayar enam ringgit”, begitulah luahan hati yang dinyatakan oleh salah seorang pelajar.

Rasa tidak puas hati itu ditambah lagi dengan kenyataan

bahawa kafeteria tersebut merupakan satu-satunya kafeteria yang terdekat dengan Sekolah Sains Sosial dan pelajar tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa membeli di sana. Tambahan pula kadangkala faktor masa juga menyebabkan mereka sukar untuk ke kafeteria lain. Selepas mendengar rungutan yang disuarakan oleh pelajar, wartawan Utusan Kampus telah berjumpa sendiri dengan pemilik kafeteria tersebut untuk meminta penjelasan. Hasil daripada temubual yang telah dijalankan, pemilik kafe itu menjelaskan bahawa mereka hanya mengekalkan harga makanan sejak dahulu lagi cuma kuantiti sahaja dikurangkan.

Menurut beliau lagi, mereka sememangnya bertimbang rasa dengan keluhan pelajar dan menghargai komen-komen yang telah dikeluarkan oleh pelajar. Namun demikian, beliau tidak bermaksud untuk menganiayai pelajar dan beliau juga memahami keperluan pelajar dalam menjalani kehidupan di universiti. Harga makanan diletakkan begitu disebabkan faktor-faktor yang tertentu berdasarkan pada kuantiti lauk yang di ambil oleh pelajar.“ Harga makanan yang kami tetapkan

adalah berdasarkan kuantiti lauk yang di ambil oleh pelajar dan bukannya kami sengaja untuk menganiaya pelajar dengan sewenang-wenangnya meletakkan harga yang mahal.”.

“Jika ada pihak yang meminta saya untuk menurunkan harga makanan, hal ini umpama saya mengurangkan perisa dalam makanan dan ini menyebabkan rasanya juga berkurangan. Saya tidak sampai hati berbuat demikian nanti rasanya tidak seperti yang asal. Harga bahan mentah mahal sekarang, sebab itulah kami letakkan harga begitu,” ujarnya.

Dia juga mengatakan harga makanan yang yang ditawarkan sememangnya mengikut prosedur berdasarkan pada harga yang telah dibentangkan pada pihak atasan, ketika beliau memohon kontrak menjalankan perniagaan di kafe PPIB tersebut. Jawapan yang diberikan oleh beliau itu telah menjawab semua persoalan yang ditimbulkan. Isu seperti ini semakin menjadi rungutan dalam kalangan pelajar sekiranya ianya tidak segera diselesaikan oleh pihak yang berwajib. Para pelajar begitu mengharapkan suara mereka didengari pihak atasan kerana perkara ini turut melibatkan hak

mereka sebagai pembeli. Oleh itu, bagi mereka harga makanan di kafe tersebut tidak berbaloi dengan kuantiti yang diambil dan berharap ianya segera diambil tindakan yang sewajarnya.



Makanan berbeza pada harga sama,
RM3.50